

Kejohanan Bot Laju antara September, Oktober

KUALA LUMPUR 18 Ogos — Kerajaan menetapkan Kejohanan Bot Laju F1 Dun & akan diadakan pada bulan September atau Oktober bagi mengelakkannya bertindih dengan Perayaan Bulan Kemerdekaan dan Karnival Jualan Mega yang diadakan pada bulan Ogos setiap tahun.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh

Fadzir berkata, perubahan tarikh itu akan dibuat bermula tahun depan.

Menurut beliau, pertandingan yang berlaku tahun ini menyebabkan kejohanan perlumbaan bot laju yang berakhir hari ini kurang mendapat sambutan rakyat.

“Apabila Karnival Jualan Mega dan Bulan Kemerdekaan sudah tamat, seluruh rakyat Malaysia dapat memberi tumpuan kepada

kejohanan ini,” katanya selepas menyaksikan pusingan akhir Kejohanan Bot Laju F1 di Mines Resort City, Seri Kembangan di sini, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melepaskan para peserta pada pusingan akhir perlumbaan itu.

Abdul Kadir selanjutnya berkata, kekurangan pengunjung menyaksikan ke-

johanan hari ini mungkin disebabkan cuaca yang kurang baik dan sambutan Perayaan Bulan Kemerdekaan ke-45 dan Kempen Kibar Jalur Gemilang 2002 yang diadakan di Dataran Merdeka di sini, malam tadi.

Justeru, tegas beliau, promosi dan publisiti yang lebih hebat akan dapat diadakan pada tahun depan apabila perubahan tarikh dibuat.